

# MAHLIS BACAAN YASIN, TAHLIL DAN DOA SELAMAT SEMPENA LAWATAN KERJA PANGWILUD 1 KE PANGKALAN UDARA SUBANG

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4764-mahlis-bacaan-yasin-tahlil-dan-doa-selamat-sempena-lawatan-kerja-pangwilud-1-ke-pangkalan-udara-subang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4764-mahlis-bacaan-yasin-tahlil-dan-doa-selamat-sempena-lawatan-kerja-pangwilud-1-ke-pangkalan-udara-subang)

SUBANG, 4 Apr 19 - Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM selaku Panglima Wilayah Udara 1 telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat bertempat di Masjid Pangkalan Udara Subang.

Majlis ini telah dikoordinasikan oleh pihak Pangkalan Udara Subang dan Sekreteriat daripada MAWILUD 1 secara bersama untuk meraikan beliau yang akan mula bercuti dan akan menamatkan perkhidmatan kelak.

Majlis ini turut dihadiri oleh semua Pegawai Kanan daripada MAWILUD 1 dan juga Pangkalan Udara Subang bersama isteri masing-masing. Di dalam majlis ini juga, Komander Pangkalan Udara Subang, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM telah menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada YBhg PANGWILUD 1.



